

# Kontraktor bermasalah punca projek rumah terbengkalai

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**CAMERON HIGHLANDS:** Kelebihan kontraktor dikenal pasti antara punca banyak projek perumahan terbengkalai di Pahang, sekali gus menjelaskan kehidupan pembeli dan imej agensi pelaksana kerajaan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Pahang (LPHP) serta wakil rakyat sering dipersalah apabila projek tergendala sedangkan ia berpunca daripada sikap tidak profesional kontraktor sendiri.

“Saya dapat kebanyakan projek yang terbengkalai disebabkan oleh kontraktor dan ini menyusahkan rakyat,” katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Pahang Tanah Rata dan Majlis Pecah Tanah PR1MA Pahang Ringlet di pekarangan Perumahan PR1MA Pahang



**Lembaga Perumahan Dan Hartanah Pahang (LPHP) serta wakil rakyat sering dipersalah apabila projek tergendala sedangkan ia berpunca daripada sikap tidak profesional kontraktor sendiri.”**

**WAN ROSDY WAN ISMAIL**

Tanah Rata di sin, semalam.

Katanya, kontraktor yang berjaya menyiapkan projek pe-

rumahan tepat pada masa atau lebih awal daripada jadual bakal diberi keutamaan untuk melaksanakan projek baharu di Pahang.

Namun katanya, keutamaan tidak bermaksud kontraktor mendapat projek secara automatik, sebaliknya perlu melalui proses penilaian dan kelulusan seperti biasa.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sebanyak 8,418 unit rumah PR1MA melibatkan 46 projek bernilai RM1.26 billion disiapkan dan diserahkan kepada pemilik di seluruh negeri.

Menurutnya, bagi projek di Tanah Rata, pangsapuri setinggi 10 tingkat yang mengandungi 112 unit berjaya disiapkan walaupun berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Beliau turut mengumumkan projek baharu, Pangsapuri PahangKu akan dilancarkan dalam masa terdekat di Bentong, berhampiran stesen ECRL, yang kini mendapat sambutan menggalakkan.